

# 09

## Keberkesanan Teknik Perkaitan Soalan-Jawapan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kefahaman Membaca

Sekolah Rendah Townsville



**Nur Fadhillah Musa**

nur\_fadhillah\_musa@schools.gov.sg



**Khairiah Abdulmajid Harharah**

khairiah\_abdulmajid\_h@  
schools.gov.sg

## Abstrak

Kebolehan murid menjawab soalan kefahaman setaraf pentingnya dengan kecekapan memahami petikan yang dibaca. Sebilangan murid mengatasi kesukaran mencari jawapan yang tepat secara sendiri. Kajian ini bertujuan meneliti keberkesanan strategi 'Perkaitan Soalan-Jawapan' (PSJ) dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman dan bertujuan memperlihatkan bagaimana strategi PSJ dapat menambah nilai teknik membaca dan berfikir secara lantang. Seramai 33 orang murid Darjah 3, 4 dan 5 dijadikan responden kajian. Penilaian berbentuk praujian dan pascakajian serta borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Analisis kuantitatif dan kualitatif diterapkan untuk menilai keberkesanan strategi ini. Dapatan kajian membuktikan bahawa murid berjaya mengaplikasikan strategi PSJ dengan berkesan sehingga menunjukkan peningkatan dari segi ketepatan jawapan serta mutu jawapan yang diberikan.

Kata kunci: kefahaman, perkaitan soalan-jawapan, membaca dan berfikir secara lantang, metakognisi

## PENGENALAN

Kemahiran membaca merupakan salah satu teras PdP Bahasa Melayu. Menurut Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015, aspek pemahaman pelbagai bahan yang dibaca dan memberikan respons yang wajar perlu ditekankan. Oleh yang demikian, kebolehan memahami bahan bacaan yang rencam merupakan satu kecekapan yang penting bagi murid.


Menurut Raphael (1982), sepanjang kerjaya mereka di sekolah, murid sering berhadapan dengan tugas untuk menjawab soalan. Murid bukan sahaja perlu menjawab soalan yang diajukan oleh guru tetapi juga soalan yang dibaca daripada petikan kefahaman, lewat buku dan ujian berkala. Oleh itu, murid memerlukan ilmu untuk menjawab soalan dengan berkesan.

Berlandaskan pemahaman ini, murid perlu dilengkapi dengan strategi PdP yang efektif untuk membantu mereka memproses maklumat yang dibaca dan menjawab soalan yang berkaitan dengan teks bacaan. Kajian lepas oleh Ghazali dan Norlela (2018) telah membuktikan keberkesanan strategi metakognisi dalam membantu murid memantau pemahaman mereka semasa membaca. Namun, terdapat kelowongan dari segi melengkapkan murid dengan strategi yang sesuai untuk menjawab soalan kefahaman setelah selesai proses pembacaan. Antara permasalahan yang telah timbul ialah ketidakupayaan murid untuk mengenal pasti jawapan bagi setiap soalan kefahaman serta cara menulis jawapan dengan lengkap. Hal ini menyebabkan kelakonan mereka dalam ujian kefahaman kurang memberangsangkan.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pemantauan guru, murid mempunyai kesukaran untuk mengenal pasti jawapan yang sesuai bagi soalan-soalan yang mengikut petikan kefahaman. Hasil tinjauan yang dilakukan mendapati bahawa segolongan murid dapat memahami teks yang dibaca. Namun, tidak semua yang dapat mengaplikasikan pemahaman membaca kepada keupayaan menjawab soalan dengan tepat.

Murid didapati tidak dapat mengenal pasti jenis soalan kefahaman yang diajukan. Soalan-soalan yang dikemukakan berikutan petikan kefahaman bersifat rencam. Kebolehan mengenal pasti tuntutan soalan dapat membezakan



antara pembaca mahir dengan pembaca yang kurang mahir. Pembaca yang mahir akan bersikap lebih sensitif terhadap maklumat yang diperlukan bagi setiap soalan. Dengan itu, pembaca akan menjadi lebih terarah untuk mencari jawapan yang tepat jika mereka memahami jenis soalan yang tertera.

Faktor kedua ialah akses kepada strategi pembelajaran kefahaman yang teratur. Murid memerlukan rangka yang berstruktur semasa berhadapan dengan soalan kefahaman. Menurut Raphael dan Au (2005), sebuah rangka yang jelas dan mudah berpotensi untuk meningkatkan tahap literasi murid pencapaian literasi dalam kalangan murid yang mempunyai tahap kesediaan yang berbeza

Faktor ketiga ialah pemilihan isi sesuai dalam pencarian jawapan bagi soalan kefahaman. Menurut Raphael dan McKinney (1983), semasa menjawab soalan kefahaman, maklumat boleh digarap melalui pengetahuan sedia ada murid atau terus daripada petikan bacaan. Jawapan yang diraih daripada petikan boleh dibahagikan kepada maklumat dari satu bahagian teks sahaja atau maklumat yang memerlukan murid menggabungkan beberapa bahagian teks.

Faktor-faktor yang dibincangkan ini berhubung kait sehingga menyebabkan kesukaran kumpulan sasaran untuk mencari jawapan yang tepat bagi soalan kefahaman secara sendiri. Murid yang tidak dapat mengenal pasti jenis soalan kefahaman yang betul, akan menghadapi kesukaran mengetahui tuntutan soalan. Dengan adanya strategi yang berstruktur, murid bukan sahaja dapat memilih isi jawapan yang betul, malahan dapat menulis jawapan dengan lengkap. Kajian ini dijalankan untuk mengatasi permasalahan-permasalahan yang telah diuraikan.

## TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. menyelidik impak teknik membaca dan berfikir secara lantang untuk memantau pemahaman murid semasa membaca petikan kefahaman;
2. menilai tahap pemahaman murid dalam menjawab soalan kefahaman dengan menggunakan strategi Perkaitan Soalan-Jawapan; dan
3. meneliti keberkesanan strategi metakognisi yang dapat meningkatkan murid menjawab soalan kefahaman.


## KAJIAN LEPAS

Lewat kajian terhadap keberkesanan strategi metakognisi dalam kefahaman, Ghazali dan Norlela (2018) membuktikan bahawa teknik membaca dan berfikir secara lantang berkesan dalam membantu murid memantau pemahaman mereka semasa membaca. Penelitian mereka terhadap subjek kajian yang berperingkat Darjah 3, seramai 24 orang murid Darjah 3, mendapati bahawa teknik tersebut bukan sahaja membantu meningkatkan pemahaman dan pemantauan pemahaman membaca tetapi juga, memberikan motivasi kepada murid. Kajian mereka memberikan landasan yang kukuh terhadap potensi strategi berteraskan metakognisi untuk membantu dalam PdP kefahaman.

Pandangan ini bertepatan dengan kenyataan yang dibuat oleh Raphael (1982) yang menerangkan bahawa metakognisi ialah satu istilah untuk menerangkan sebuah proses yang berkait rapat dengan kognisi, atau pemahaman. Dalam perihal proses membaca, metakognisi disebut sebagai meta pemahaman. Meta pemahaman merangkumi pengetahuan pembaca tentang strategi-strategi yang dapat digunakan sepanjang proses membaca, daripada aktiviti pramembaca sehingga aktiviti pascamembaca. Kajian awal telah membuktikan bahawa arahan yang diberikan kepada murid dapat merangsang pengetahuan mereka dan mengawal aktiviti pembelajaran mereka. Bersandarkan bidang meta pemahaman, Raphael (1982) telah melatih murid dengan pengaplikasian sebuah strategi pembelajaran yang terbukti meningkatkan pencapaian murid dalam ujian kefahaman. Strategi yang dipelopori oleh Raphael (1982) dikenali sebagai Perkaitan Soalan-Jawapan (PSJ), atau *Question-Answer Relationship (QAR)*.

Strategi yang dibina oleh Raphael (1982) yang berasaskan taksonomi pembinaan soalan kefahaman yang direka oleh Pearson dan Johnson (1978). Taksonomi mereka dicabangkan kepada tiga jenis, iaitu teks eksplisit (maklumat paling sesuai bagi jawapan boleh didapati secara eksplisit daripada teks); teks implisit (maklumat bagi jawapan terdapat dalam teks tetapi perlu digabungkan dengan bahan tekstual); serta skrip implisit (maklumat bagi jawapan terkandung dalam ruang pengetahuan sedia ada pembaca).

Pengamatan oleh Raphael dan Au (2011) memperhalusi rangka awal PSJ yang dibina oleh Raphael (1982). Demi membina bahasa umum dalam pengaplikasian strategi PSJ, empat jenis soalan telah diterapkan. Istilah 'Di



Dalam Buku', dicabangkan kepada soalan 'Di Situ' dan soalan 'Fikir dan Cari', serta istilah 'Di Dalam Minda' pula dibahagikan kepada soalan 'Penulis dan Saya' dan soalan 'Saya Lakukan Sendiri'. Taksonomi ini dapat digunakan untuk menjawab soalan literal dan soalan berdasarkan inferens.

Raphael (1982) menerangkan bahawa strategi PSJ bukanlah sesuatu yang baharu, tetapi kurang diberikan penekanan. Menurut beliau, strategi ini dapat memberikan rangka yang sesuai dan sistematik bagi pembaca. Dalam kajian beliau, tahap pencapaian murid dalam ujian kefahaman telah meningkat. Kemungkinan bagi dapatan ini ialah kesedaran terhadap jenis-jenis soalan kefahaman telah membolehkan murid meraih teknik yang spesifik untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

Pandangan ini telah disokong oleh Raphael dan Au (2005) yang membuktikan bahawa PSJ berkesan dalam meningkatkan akses yang diberikan kepada murid untuk memahami teks kefahaman serta menggalak pemikiran aras tinggi semasa berhubung dengan teks. Kajian ini telah melibatkan golongan murid yang mempunyai kepelbagaian latar belakang. Pengajaran PSJ dapat mengatasi masalah ketiadaan bahasa umum bagi pengajaran kefahaman, memberikan rangka teratur bagi arahan semasa menjawab soalan kefahaman, memfokuskan usaha pembelajaran kefahaman yang dapat dipertahankan, serta menyediakan murid untuk ujian kepentingan tinggi yang menjurus mereka kepada tahap literasi yang tinggi.

Kajian oleh Gan-Goh, Tan, Khoo dan Joseph (2007) turut menyetujui dapatan Raphael dan Au (2005) dan Raphael (1982). Kajian yang berlatarkan murid Darjah 6 dari sebuah sekolah rendah di Singapura menegaskan nilai PSJ sebagai sebuah strategi PdP kefahaman. Strategi PSJ meningkatkan kesedaran murid tentang keperluan membuat perkaitan teks-diri, teks-dunia dan teks-tema. Dalam jangka masa panjang, kesedaran ini dipercayai akan meningkatkan kebolehan murid untuk menangani soalan-soalan kefahaman beraras tinggi.

Knight (2017) turut berpendapat bahawa strategi PSJ berupaya mengajar murid cara membezakan jenis soalan dan cara menjawab soalan-soalan tersebut. Pandangan ini berlandaskan pemahaman bahawa pembelajaran kefahaman memerlukan pendekatan yang eksplisit. Anggapan bahawa murid tidak memberikan perhatian semasa proses pembacaan atau tidak membaca

langsung harus dinyahkan. Sebaliknya, mereka perlu dilengkapi dengan strategi PSJ untuk meningkatkan prestasi mereka dalam menjawab soalan kefahaman secara sendiri.

## KAEDAH KAJIAN

Kajian ini bersifat kajian pengajaran yang bertujuan mengatasi kesukaran kumpulan sasaran dalam menjawab soalan-soalan kefahaman secara sendiri. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah yang dijalankan terdiri daripada enam peringkat, iaitu (1) pengumpulan data prakajian (2) mengulang kaji pengaplikasian teknik membaca dan berfikir secara lantang, (3) pengenalan dan penerapan strategi PSJ, (5) pengumpulan data pascakajian, dan (6) pengumpulan data melalui borang soal selidik pascapengajaran. Penganalisan data bagi kajian ini menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada murid Darjah 3, 4 dan 5, yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu. Jumlah keseluruhan murid yang terlibat ialah 33 orang murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang pelbagai. Terdapat dua orang guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam kitaran pengajaran bagi kajian ini. Secara umum, murid dalam kumpulan sasaran ini telah didedahkan kepada penggunaan teknik membaca dan berfikir secara lantang semasa membaca teks kefahaman. Namun, mereka masih menghadapi masalah untuk menjawab semua soalan kefahaman dengan tepat.

### Instrumen Kajian

Kajian ini akan meneliti data prakajian dan pascakajian dari segi markah kefahaman responden kajian. Kajian ini juga menggunakan borang soal selidik pascapengajaran untuk mengenal pasti impak strategi membaca dan berfikir secara lantang, serta sikap murid terhadap pembelajaran strategi PSJ.

Dalam kertas praukajian dan pascakajian, soalan-soalan kefahaman yang dibina untuk setiap peringkat berteraskan taksonomi yang dilakarkan oleh Raphael dan Au (2011). Dalam pelaksanaan kajian ini, soalan-soalan yang dicipta mengadaptasikan tiga daripada empat jenis soalan PSJ, iaitu jenis 'Di Situ', 'Fikir dan Cari', serta 'Penulis dan Saya'. Bersesuaian dengan

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015, jenis soalan ‘Saya Lakukan Sendiri’ tidak disertakan dalam kajian ini. Taburan jumlah soalan serta jenis soalan yang dilakarkan bagi setiap peringkat responden kajian berbeza, seperti terlihat dalam Jadual 1 di bawah ini.

**Jadual 1: Taburan Jumlah dan Jenis Soalan bagi Setiap Peringkat**

Nombor Soalan	Peringkat	Darjah 3	Darjah 4	Darjah 5
	Jenis Soalan			
1	Di Situ			
2	Di Situ			
3	Di Situ			
4	Di Situ			
5	Di Situ			
6	Di Situ			
7	Fikir dan Cari			
8	Fikir dan Cari			
9	Fikir dan Cari			
10	Penulis dan Saya			
11	Penulis dan Saya			
12	Penulis dan Saya			

Instrumen kedua ialah borang soal selidik pascapengajaran yang merangkumi enam jenis soalan. Borang ini menggunakan skala berperingkat, bermula daripada tahap kemahiran ‘permulaan’, ‘membina’, ‘cekap’ dan akhir sekali, tahap kemahiran ‘berjaya’. Rubrik ini bertujuan untuk mengumpul data tentang tahap pemahaman murid terhadap teknik metakognisi dan strategi PSJ sesudah lengkap kitaran pembelajaran selama sepuluh minggu.

### Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama sepuluh minggu dan mengambil dua waktu pengajaran pada setiap minggu, selama 60 minit bagi setiap waktu pengajaran. Sebelum usaha intervensi dimulakan, murid dikehendaki menduduki prakajian. Murid perlu menjawab soalan kefahaman yang sesuai dengan tahap kesediaan mereka. Meskipun berlainan tahap kepayahan, teks-teks kefahaman yang digunakan untuk setiap peringkat mempunyai tema, plot dan isi utama yang diselaraskan.

Selama tiga minggu pertama, dua orang guru yang terlibat mengulang kaji pengajaran Kata Tanya dan pengajaran teknik membaca dan berfikir secara lantang. Pengajaran Kata Tanya menggunakan mnemonik SAMMBoB manakala pengajaran teknik membaca dan berfikir secara lantang menggunakan mnemonik PRATA. Objektif pengajaran selama tiga minggu ini adalah untuk memastikan bahawa kesemua murid yang terlibat dalam kajian ini memulakan proses intervensi dengan asas yang sama, iaitu pendedahan kepada SAMMBoB (seperti dilihat dalam Rajah 1) dan PRATA (*Programme for Read Aloud, Think Aloud*).

Rajah 1: Kad SAMMBoB Sebagai Alat Bantu Mengajar



Kajian diteruskan dengan pengajaran strategi PSJ selama lima minggu. Proses intervensi ini memperkenalkan dan menerapkan kepada murid dengan rangka pembelajaran kefahaman menggunakan strategi PSJ. Proses pengajaran dimulakan dengan pengenalan kepada jenis-jenis soalan dan tuntutan setiap soalan dalam rangka PSJ, seperti dilihat dalam Rajah 2.



## Rajah 2: Penjelasan Rangka PSJ Sebagai Strategi Kefahaman

Di Dalam Buku ( <i>In The Book</i> )	
<p><b>1. Di Situ (<i>Right There</i>)</b></p> <p>Jawapan ada pada satu ayat di dalam petikan. Perkataan dalam soalan dan perkataan dalam jawapan selalunya ada pada ayat yang sama.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Baca semula</li> <li>✓ Imbas semula</li> <li>✓ Cari kata kunci</li> </ul>	<p><b>2. Fikir dan Cari (<i>Think and Search</i>)</b></p> <p>Jawapan ada pada beberapa ayat di dalam petikan. Kamu perlu cantumkan bahagian-bahagian yang berbeza untuk mendapat jawapan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Baca semula</li> <li>✓ Cari informasi penting</li> <li>✓ Cantumkan bahagian berbeza dan jawab soalan</li> </ul>
Di Dalam Minda ( <i>In My Head</i> )	
<p><b>3. Penulis dan Kamu (<i>Author and You</i>)</b></p> <p>Jawapan <b>tidak ada</b> di dalam petikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Fikirkan tentang pengetahuan sedia ada kamu dan informasi dalam petikan</li> <li>✓ Baca semula</li> <li>✓ Buat kaitan antara pengetahuan kamu dan apa yang kamu baca dalam petikan</li> <li>✓ Buat andaian</li> </ul>	<p><b>4. Saya Lakukan Sendiri (<i>On My Own</i>)</b></p> <p>Jawapan <b>tidak ada</b> di dalam petikan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Fikirkan tentang apa yang kamu tahu</li> <li>✓ Fikirkan tentang apa yang pernah kamu baca</li> <li>✓ Buat kaitan</li> </ul>

Guru meneruskan langkah intervensi dengan menerangkan setiap jenis soalan secara terperinci, melalui penggunaan petikan kefahaman yang ringkas. Kesemua murid mempelajari jenis soalan ‘Di Situ’, seperti terlihat dalam Rajah 3. Murid Darjah 4 dan 5 mempelajari jenis soalan ‘Fikir dan Cari’, yang terungkap dalam Rajah 4. Jenis soalan ‘Penulis dan Kamu’ hanya dipelajari oleh murid Darjah 5, seperti dilihat dalam Rajah 5.

### Rajah 3: Senarai Soalan ‘Di Situ’ Berdasarkan Contoh Petikan

Contoh Petikan	Soalan-soalan ‘Di Situ’
<p><u>Pada hari Sabtu yang lalu, Safiyah dan Siti pergi ke Taman di Persisiran. Mereka berdua berasa sangat gembira kerana akan melihat pelbagai jenis bunga di sana. Mereka menaiki Kereta Api Gerak Cepat (MRT) dari rumah mereka di Ang Mo Kio. Perjalanan mereka mengambil masa selama 45 minit.</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Siapakah yang pergi ke Taman di Persisiran?</li> <li>2. Bilakah mereka pergi ke Taman di Persisiran?</li> <li>3. Mengapakah mereka berasa sangat gembira?</li> <li>4. Berapa lamakah perjalanan mereka untuk sampai di Taman di Persisiran?</li> </ol>

#### Rajah 4: Senarai Soalan 'Fikir dan Cari' Berdasarkan Contoh Petikan

<b>Contoh Petikan</b>	<b>Soalan-soalan 'Fikir dan Cari'</b>
<p>Setibanya di Taman di Persisiran, Safiyah tergamam melihat keindahan bunga-bunga di sana. <u>Dia meronda-ronda sekeliling taman untuk mencari bunga orkid kegemarannya. Dia juga mencari bunga ros berwarna merah jambu.</u> Siti pula teruja melihat cara bunga-bunga disusun. <u>Dia juga suka akan suhu sejuk di tempat itu.</u></p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Apakah yang dicari oleh Safiyah di taman itu?</li><li>2. Apakah membuat Siti berasa gembira?</li></ol>

#### Rajah 5: Senarai Soalan 'Penulis dan Kamu' Berdasarkan Contoh Petikan

<b>Contoh Petikan</b>	<b>Soalan-soalan 'Penulis dan Kamu'</b>
<p>Tiba-tiba, <u>keseronokan Siti dan Safiyah terganggu.</u> Mereka tidak dapat mengamati bunga-bunga kegemaran mereka. <u>Mereka ternampak seorang pemuda memetik sekuntum bunga ros dan memasukkannya ke dalam begnya.</u> <u>Siti dan Safiyah bergegas ke arah pemuda itu.</u> Namun, pemuda itu menyedari bahawa perbuatannya diketahui Siti dan kakaknya. <u>Dia cuba melarikan diri.</u></p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Berikan bukti yang menunjukkan bahawa Siti dan Safiyah prihatin akan penjagaan bunga di taman itu.</li><li>2. Pemuda itu tidak bertanggungjawab. Berikan bukti-bukti untuk menyokong pernyataan ini.</li></ol>

Pada setiap pengajaran, guru melibatkan murid untuk mencari jawapan dengan menggunakan strategi yang telah diajar. Langkah umum untuk mencari jawapan dapat dilihat dalam Rajah 6. Semasa proses menulis jawapan, guru mengajar cara menulis jawapan secara lengkap, iaitu dengan mengenal pasti dan menulis batang soalan sebelum menulis isi jawapan.

**Setelah membaca petikan dan membuat PRATA,**

- 1. Baca soalan**
- 2. Serlahkan kata tanya (SAMMBoB)**
- 3. Kenal pasti jenis soalan QAR**
- 4. Cari jawapan (dalam teks atau dalam minda)**
- 5. Tulis jawapan dengan batang soalan**

Pada minggu kesembilan, pascakajian yang mengandungi bilangan soalan dan bentuk soalan yang sama dengan prakajian dijalankan. Prakajian dan pascakajian dilaksanakan untuk meneliti perubahan tahap pencapaian murid dalam menjawab soalan kefahaman dengan menggunakan strategi PSJ.

Setelah pelaksanaan usaha intervensi, murid dikehendaki menjawab borang soal selidik pada akhir minggu kesepuluh. Instrumen ini digunakan untuk menilai tahap pemahaman murid serta sikap mereka terhadap pembelajaran kefahaman berteraskan strategi PSJ. Borang soal selidik tersebut juga dapat memberikan gambaran kepada pengkaji akan impak penggunaan SAMMBoB dan PRATA dalam proses pembacaan teks.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Bahagian ini akan membentangkan analisis dapatan kajian yang dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi 33 orang murid. Analisis data kuantitatif berasaskan data yang diperolehi daripada prakajian dan pascakajian, serta borang soal selidik yang mengandungi enam soalan. Analisis secara kualitatif pula dilakukan untuk membandingkan mutu jawapan murid semasa praujian dan pascakajian.

### **Analisis Kuantitatif**

Berdasarkan analisis data praujian dan pascakajian, terdapat perubahan secara keseluruhan dalam markah kefahaman yang diperolehi oleh murid Darjah 3, 4 dan 5. Dapatan pascakajian membuktikan bahawa terdapat peningkatan dari segi analisis kuantitatif. Jadual 2 menunjukkan seramai 12 daripada 16 orang murid Darjah 3 yang mendapat peningkatan peratusan markah sebanyak 8% hingga 67%. Peningkatan yang memberangsangkan ini ditambah lagi dengan

data yang menunjukkan bahawa 10 orang murid telah berjaya mendapat markah penuh bagi pascakajian.

**Jadual 2: Penganalisan Markah Prakajian dan Pascakajian Murid Darjah 3**

Kod Pelajar	Markah Prakajian (12 markah)	Markah Pascakajian (12 markah)	Perbezaan Markah	Peratusan Perubahan
ML301	7	12	5	42%
ML302	11	12	1	8%
ML303	9	12	3	25%
ML304	10	12	2	17%
ML305	10	12	2	17%
ML306	5	12	7	58%
ML307	10	12	2	17%
ML308	12	12	0	0%
ML309	10	12	2	17%
ML310	4	12	8	67%
ML311	10	10	0	0%
ML312	4	5	1	8%
ML313	9	9	0	0%
ML314	9	9	0	0%
ML315	8	10	2	17%
ML316	3	8	5	42%

Jadual 3 turut menunjukkan peningkatan markah secara menyeluruh bagi pascakajian murid Darjah 4. Hampir 50% daripada kalangan murid yang mendapat peningkatan peratusan markah sebanyak 11% hingga 22%.

**Jadual 3: Penganalisan Markah Prakajian dan Pascakajian Murid Darjah 4**

Kod Pelajar	Markah Prakajian (18 markah)	Markah Pascakajian (18 markah)	Perbezaan Markah	Peratusan Perubahan
ML401	16	16	0	0%
ML402	14	17	3	17%
ML403	17	17	0	0%
ML404	18	18	0	0%
ML405	13	15	2	11%
ML406	13	15	2	11%
ML407	18	18	0	0%

ML408	7	7	0	0%
ML409	11	14	3	17%
ML410	11	14	3	17%
ML411	16	18	2	11%
ML412	15	15	0	0%
ML413	13	17	4	22%
ML414	17	17	0	0%

Jadual 4 pula menunjukkan peningkatan markah bagi pascakajian kesemua murid Darjah 5. Peningkatan peratusan markah mereka sebanyak 4% hingga 13%, dengan seorang responden yang mendapat markah penuh bagi pascakajian.

**Jadual 4: Penganalisan Markah Prakajian dan Pascakajian Murid Darjah 5**

Kod Pelajar	Markah Prakajian (24 markah)	Markah Pascakajian (24 markah)	Perbezaan Markah	Peratusan Perubahan
ML501	21	24	3	13%
ML502	19	20	1	4%
ML503	17	20	3	13%

Berdasarkan analisis borang soal selidik, terdapat beberapa pemerhatian terhadap dua perkara iaitu impak teknik membaca dan berfikir secara lantang bagi murid, serta sikap mereka terhadap pembelajaran kefahaman melalui strategi perkaitan soalan-jawapan. Jadual 5 menunjukkan bahawa lebih daripada 70% murid yang berada di aras 'Cekap' dan 'Berjaya' dalam penggunaan SAMMBoB dan PRATA semasa membaca teks kefahaman. Data ini menunjukkan keselesaan murid dalam menggunakan teknik metakognisi sebagai alat yang membantu mereka memahami petikan kefahaman yang dibaca. Berkaitan dengan pengajaran strategi PSJ, 85% murid berada di aras 'Cekap' dan 'Berjaya' dalam memahami tuntutan soalan kefahaman yang diberikan. Sebanyak 79% murid pula berada pada aras yang sama dari segi kecekapan mengenal pasti jenis-jenis soalan PSJ. 88% murid menyatakan aras 'Cekap' dan 'Berjaya' untuk menerangkan kebolehan mereka mencari jawapan dalam petikan kefahaman dengan menggunakan strategi PSJ. Hal ini menjelaskan bahawa hanya sebilangan kecil murid yang belum menguasai teknik PRATA dan strategi PSJ sepenuhnya. Dapatan daripada soal selidik ini memaparkan sikap yang positif akan kepercayaan murid terhadap kemahiran mereka untuk mengaplikasikan strategi PSJ dalam pembelajaran kefahaman mereka.

**Jadual 5: Peratusan Maklum Balas Murid**

No.	Soalan	Permulaan	Membina	Cekap	Berjaya
1	Saya menggunakan SAMMBoB untuk memahami teks.	6%	18%	45%	30%
2	Saya menggunakan anotasi PRATA semasa membaca teks kefahaman.	12%	18%	48%	21%
3	Saya memahami soalan kefahaman yang diberikan.	3%	12%	39%	45%
4	Saya dapat mengenal pasti jenis-jenis soalan QAR semasa membaca soalan kefahaman.	0%	21%	42%	36%
5	Saya dapat mencari jawapan dalam teks kefahaman dengan menggunakan QAR.	3%	9%	67%	21%

### Analisis Kualitatif

Dapatan awal menunjukkan bahawa tidak kesemua murid dapat mengaplikasikan teknik membaca dan berfikir secara lantang semasa proses pembacaan teks. Hal ini dapat dilihat dengan kekurangan anotasi PRATA yang dilakukan kepada teks semasa praujian. Namun, setelah melakukan intervensi, terdapat perubahan dari segi kesediaan murid mengannotasi petikan kefahaman semasa pascakajian. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 7.

**Rajah 7: Contoh Perbezaan Respons Murid Ketika Membaca Teks Semasa Prakajian dan Pascakajian**

#### Respons Prakajian

Cuti sekolah akhir tahun sudah bermula. Azmi dan adiknya <sup>1</sup> hendak pergi ke Sentosa. Sebelum ke Sentosa, Azmi sibuk menolong ibu dan bapanya menyiapkan barang-barang yang perlu dibawa ke sana. Tepat pada jam 10 pagi, mereka pun memulakan perjalanan ke Sentosa. Mereka <sup>2</sup> menaiki bas di Bishan. Setelah tiba di tepi pantai, Azmi dan keluarganya mula berkelah. Azmi membenteng tikar di atas pasir. Aznah pula menolong ibunya menyusun minuman dan makanan. Ayah <sup>3</sup> mengeluarkan mainan dari sebuah beg. Sebaik sahaja selesai melakukan tugas masing-masing, Azmi dan Aznah menukar pakaian mereka kepada pakaian renang dengan pantas. Semasa hendak ke tandas, Aznah <sup>4</sup> terkejut kerana seekor lipas tiba-tiba bergerak di hadapannya. Dia terpekik dan terlompat-lompat. Belum sempat ibunya melakukan apa-apa, lipas itu telah hilang. Ibu memeluk Aznah dengan erat. Azmi dan Aznah pun bermandi-mandi di laut. Selepas itu, mereka membina istana pasir di tepi pantai. Mereka berasa seronok meluangkan masa di Sentosa. Mereka tidak dapat melupakan pengalaman berkelah pada hari itu. Azmi dan Aznah berharap mereka dapat ke Sentosa lagi sebelum cuti sekolah berakhir.

#### Respons Pascakajian

Cuti sekolah akhir tahun sudah bermula. <sup>Seperti</sup> Azmi dan adiknya <sup>1</sup> Aznah tidak sabar hendak pergi ke Sentosa. Sebelum ke Sentosa, Azmi sibuk <sup>2</sup> menolong ibu dan bapanya menyiapkan barang-barang yang perlu dibawa ke sana. Tepat <sup>3</sup> pada jam 10 pagi mereka pun memulakan perjalanan ke Sentosa. Mereka <sup>4</sup> menaiki bas di Bishan. Setelah tiba di tepi pantai, Azmi dan keluarganya mula berkelah. Azmi membenteng tikar di atas pasir. Aznah pula menolong ibunya menyusun minuman dan makanan. Ayah <sup>5</sup> mengeluarkan mainan dari sebuah beg. Sebaik sahaja selesai melakukan tugas masing-masing, Azmi dan Aznah menukar pakaian mereka kepada pakaian renang dengan pantas. Semasa hendak ke tandas, Aznah <sup>6</sup> terkejut kerana seekor lipas tiba-tiba bergerak di hadapannya. Dia terpekik dan terlompat-lompat. Belum sempat ibunya melakukan apa-apa, lipas itu telah hilang. Ibu <sup>7</sup> memeluk Aznah dengan erat. Azmi dan Aznah pun bermandi-mandi di laut. Selepas itu, mereka membina istana pasir di tepi pantai. Mereka berasa seronok meluangkan masa di Sentosa. Mereka tidak dapat melupakan pengalaman berkelah pada hari itu. Azmi dan Aznah berharap mereka dapat ke Sentosa lagi sebelum cuti sekolah berakhir.

Selain itu, pengkaji juga dapat melihat peningkatan dari segi mutu jawapan murid. Penelitian jawapan murid bagi praujian mendapati bahawa ramai murid yang tidak menulis jawapan dengan lengkap. Kebanyakan daripada mereka tidak menulis batang soalan, sehingga menyebabkan jawapan berbentuk ayat tidak lengkap. Namun, terdapat perubahan ketara dari segi kualiti jawapan murid bagi pascakajian. Mereka bukan sahaja dapat mengenal pasti isi jawapan yang betul, tetapi juga berjaya menulis jawapan dengan menggunakan ayat yang lengkap dan gramatis. Sila lihat contoh respons murid dalam Rajah 8.

Rajah 8: Contoh Perbezaan Mutu Jawapan Murid Semasa Praujian dan Pascakajian

Respons Praujian	Respons Pascakajian
<p>1. Siapakah adik Azmi? Azmi</p>	<p>1. Siapakah adik Azmi? Adik Azmi ialah Azmi</p>
<p>2. Di manakah mereka menaiki bas? di Bishan</p>	<p>2. Di manakah mereka menaiki bas? Mereka menaiki bas di Bishan</p>
<p>3. Bilakah Azmi dan keluarganya memulakan perjalanan ke Sentosa? Setelah tiba di tanjung patah</p>	<p>3. Bilakah Azmi dan keluarganya memulakan perjalanan ke Sentosa? Azmi dan keluarganya memulakan perjalanan ke Sentosa pada jam lima pagi</p>
<p>4. Apakah yang ayah Azmi keluarkan dari beg? mainan dari sebuah beg</p>	<p>4. Apakah yang ayah Azmi keluarkan dari beg? Ayah Azmi mengeluarkan mainan dari sebuah beg</p>
<p>5. Bagaimanakah Azmi dan Aznah menukar kepada pakaian renang? Seperti biasa beg badak</p>	<p>5. Bagaimanakah Azmi dan Aznah menukar kepada pakaian renang? Azmi dan Aznah menukar pakaian mereka dengan pantas</p>
<p>6. Mengapakah Azmi dan Aznah berasa terkejut? Mereka merasa lipas tiba-tiba bergerak di telinganya</p>	<p>6. Mengapakah Azmi dan Aznah berasa terkejut? Azmi dan Aznah terkejut kerana seekor lipas tiba-tiba bergerak di badannya</p>

Analisis kuantitatif dan kualitatif terhadap kertas jawapan murid semasa praujian dan pascakajian membuktikan keberkesanan strategi PSJ untuk membantu murid menjawab soalan kefahaman dengan tuntas. Penggunaan strategi ini telah dapat menambah nilai teknik membaca dan berfikir secara lantang yang digunakan oleh murid semasa proses pembacaan teks. Murid berjaya mengaplikasikan strategi PSJ yang diajar dengan berkesan sehingga menghasilkan peningkatan kemahiran menjawab soalan-soalan kefahaman, dari segi ketepatan jawapan yang diberikan serta mutu jawapan yang diungkapkan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa strategi perkaitan soalan-jawapan dapat memperbaiki prestasi murid dalam menjawab

soalan kefahaman. Kebolehan murid untuk mengenal pasti jenis soalan serta mencari maklumat jawapan yang tepat telah meningkat lewat kajian ini. Murid juga telah berjaya memberikan respons yang lebih berkualiti dari segi penulisan jawapan. Rangka yang diterapkan oleh PSJ berjaya membuka ruang minda murid terhadap cara yang spesifik untuk berhadapan dengan soalan kefahaman. Tambahan, kajian ini turut menunjukkan bahawa penerapan teknik membaca dan berfikir secara lantang telah ditambah nilai dengan pengaplikasian strategi PSJ. Penggabungan kedua-dua teknik serta strategi metakognisi ini membantu merangsang kemahiran murid untuk membaca dan menjawab soalan kefahaman secara holistik.


Guru-guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Ghazali Mohamed Ibrahim
2. Irdawati Mohd Ariffin
3. Nurbayah Ismail

## RUJUKAN

- Gan-Goh, S. P., Tan, L. H., Khoo, S. F., & Joseph, I. M. (2007). *Impact of Question-Answer-Relationships on Reading Comprehension*. Singapore: Ministry of Education.
- Knight, J. (2017, September 5). *Guide Students to Answers According to Question Type: The Question-Answer Relationship*. Didapatkan dari Iowa Reading Research Center: <https://iowareadingresearch.org/blog/question-answer-relationship>
- Norlela, & Ghazali. (2018). Keberkesanan Strategi Metakognisi dalam Kefahaman Membaca. Dalam *Pengajaran Inovatif Pemikiran Kreatif* (hlm. 96-115). Singapore: Malay Language Centre of Singapore, MOE.
- Raphael, T. (1982). Improving Question-Answering Performance Through Instruction. *Reading Education Report No. 32*. University of Illinois at Urbana-Champaign: Center for the Study of Reading.
- Raphael, T. E., & Au, K. H. (2005). QAR: Enhancing Comprehension and Test Taking Across Grades and Content. *The Reading Teacher*, 206-221.





Raphael, T. E., & Au, K. H. (2011). Accessible Comprehension Instruction Through Question–Answer Relationship. Dalam J. R. Paratore, & R. L. McCormack, *After Early Intervention, Then What? Teaching Struggling Readers in Grades 3 and Beyond (2nd ed)* (hlm. 115-136). International Reading Association.

Raphael, T. E., & McKinney, J. (1983). An Examination of Fifth- And Eighth-Grade Children’s Question-Answering Behavior: An Instructional Study In Metacognition. *Journal of Literacy Research*, 67-86.